

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG – UNDANG KECIL PASAR MALAM/SEHARI (MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) 1985

PADA menjalankan kuasa – kuasa yang diberi di bawah seksyen 102 (h) Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Taiping dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang – undang kecil berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pasar Malam/Sehari (Majlis Perbandaran Taiping) 1985 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Taiping.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-

“pasar malam/sehari” bererti dan termasuklah penjualan makanan, minuman atau barang-barang sepanjang jalan-jalan awam atau lorong atau tempat awam;

“gerai pasar malam/sehari” bererti dan termasuklah sebuah gerai, meja, bangku atau gerobok atau apa-apa bumbung yang diguna atau dimaksud untuk digunakan bagi penjualan apa-apa makanan bermasak atau sebaliknya atau sebarang jenis barang-barang.

3. Tiada sesiapa pun boleh mendirikan apa-apa gerai pasar malam/sehari di mana-mana jalan awam, Lorong atau di atas mana-mana tanah yang berdepankan mana-mana jalan kecuali ia telah mendapat lesen untuk itu daripada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping dan tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan dalam Jadual.

4. Setiap lesen akan dikeluarkan tiap-tiap hari dan tidak boleh dipindahmilik. Setiap lesen hendaklah bernombor dan menetapkan tempat di mana gerai pasar

malam/sehari boleh didirikan, saiz yang dibenarkan, waktu perniagaan dan hendaklah disimpan oleh pemegang lesen di gerainya dan dikemukakan apabila dituntut untuk pemeriksaan oleh pegawai Majlis Perbandaran Taiping atau mana-mana pegawai polis.

5. Jika sebarang lesen dibatalkan atau ditarik balik kerana apa-apa sekalipun pemegang lesen tidak berhak mendapat apa-apa pembayaran balik bayaran-bayaran yang telah dibayar bagi jangka waktu lesennya yang belum luput.

6. Tiada gerai pasar malam/sehari boleh menduduki suatu kawasan melebihi keluasan yang ditetapkan di dalam lesen.

7. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah membebaskan semua tempat lalu-lalang di sebelah gerai pasar malam/seharnya dari apa jenis halangan yang timbul dari/atau berkaitan dengan perniagaannya dan tiada pemegang lesen boleh menempatkan apa-apa barang melewati garisan-garisan perenggan yang menunjukkan kawasan gerainya.

8. Tiada pemegang lesen sesebuah gerai pasar malam/sehari dan tiada sesiapa pun yang digajikan di gerai itu dibenarkan membuang sampah-sarap pepejal dari apa jenis hasil dari/atau berkaitan dengan perniagaannya sebagai pemegang lesen ke atas mana-mana jalan, tempat awam atau tempat lalu-lalang ataupun ke dalam mana-mana longkang.

9. Tiap-tiap gerai pasar malam/sehari hendaklah dipindahkan selepas waktu berniaga yang ditetapkan.

JADUAL

(Undang-undang Kecil 3)

	Saiz Gerai	Bayaran
(i)	Tidak melebihi 2.43m X 3.04m	\$0.50 sen semalam/sehari bagi satu petak
(ii)	Melebihi 2.43m X 3.04m	\$1.00-\$3.00 mengikut budibicara Yang Di-pertua

Bertarikh pada 13hb Oktober 1983.

[PEN/10/2Sj. 20; PU Pk. 23/75]

IDRIS BIN MAMAT,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Taiping

Disahkan pada 10hb April 1985.

[PSUK Pk. (KT) 21145/7]

MOHD. SHAHAR BIN HAJI ALANG SAIDIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Perak